



Submission date: 04/05/2020

Accepted date: 06/8/2020

INTEGRASI ILMU USULUDDIN DALAM PENGAJIAN AGAMA DI MASJID¹

Integration of Usuluddin Knowledge in Religious Education at the Mosque

Mohd Radhi Ibrahim^a

^aUniversiti Sains Islam Malaysia

Radhi@usim.edu.my

Abstract

Muslim scholars have been discussing the influence of Aqidah in the daily activities of human life for many decades. The gap available between the theoretical aspect and the practical aspect of Islam caused significant influence in the development of Muslim ummah. The study of Usuluddin in the mosque is one of the ways how the Muslim obtains knowledge on matters of Akidah. Usuluddin is a pillar of religion that is required for every Muslim individual to hold on. It discusses the fundamental beliefs needed for Muslims. It also explains the faith and defends it from criticism or doubts from other parties. The integration of Usuluddin knowledge with various aspects of life is crucial to establish quality Muslim individuals and to maintain their religious boundaries. This paper will examine the integration of Usuluddin with daily activities of Muslim life. This research uses the textual analysis methodology based on the works of previous Muslims scholars and their study on religious text from the Qur'an and the Sunnah. The research finds that an integrated understanding of Usuluddin necessary in the contemporary world. Every Islamic discipline, including Akidah, need to be understood and practised based on this integrated understanding to close the gap between theoretical and practical aspects of Islam.

Keywords: Usuluddin, integration, mosque.

¹ Artikel ini adalah dari kertas kerja yang telah dikemukakan dalam Multaqa Ilmuwan Usuluddin 2018 yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 17 Disember 2018. Ianya adalah sebahagian hasil penyelidikan di bawah geran USIM: PPPI/FKP/0118/051000/16618.

Abstrak

Sarjana Muslim telah membincangkan pengaruh Aqidah dalam aktiviti kehidupan sehari-hari manusia sejak beberapa dekad yang lepas. Jurang yang ada antara aspek teori dan aspek praktikal Islam memberikan pengaruh yang besar dalam pembangunan ummat Islam. Pengajian Usuluddin di masjid adalah salah satu cara bagaimana orang Islam memperoleh pengetahuan mengenai perkara Akidah. Usuluddin adalah tonggak agama yang wajib dipegang oleh setiap individu Muslim. Ia membincangkan kepercayaan asas yang diperlukan bagi umat Islam. Ia juga menjelaskan iman dan mempertahankannya dari kritikan atau keraguan dari pihak lain. Penyatuan pengetahuan Usuluddin dengan pelbagai aspek kehidupan sangat penting untuk membentuk individu Muslim yang berkualiti dan menjaga batas agama mereka. Artikel ini akan mengkaji integrasi ilmu Usuluddin dengan aktiviti harian kehidupan Muslim. Penyelidikan ini menggunakan metodologi analisis teks berdasarkan karya para sarjana Muslim terdahulu dan kajian mereka terhadap teks agama dari Al-Quran dan Sunnah. Hasil kajian mendapat bahawa pemahaman terpadu mengenai Usuluddin diperlukan dalam dunia kontemporari. Setiap disiplin Islam, termasuk Akidah, perlu difahami dan diamalkan berdasarkan pemahaman bersepadu ini untuk menutup jurang antara aspek teori dan praktikal Islam.

Kata kunci: Usuluddin, integrasi, masjid.

PENDAHULUAN

Integrasi ilmu merupakan satu konsep yang diperbahaskan dalam perbincangan epistemologi. Ia merupakan pendekatan yang menyatukan ilmu yang ada dengan perkara lain. Integrasi ilmu turut menjadi perhatian para sarjana bagi mengemukakan konsep dalam memahami pandang alam Islam (*Islamic worldview*). Untuk mendapatkan gambaran jelas berkenaan integrasi ilmu adalah wajar diteliti maksud perkataan tersebut.

INTEGRASI ILMU

Maksud integrasi dari sudut bahasa ialah gabungan antara dua atau beberapa kaum (unsur, bahagian dll) menjadi satu kesatuan (yang utuh). (Kamus Dewan, prpm. dbp.gov.my). Manakala ilmu pula diambil dari perkataan Arab dan bermaksud pengetahuan, ia juga seerti dengan kepandaian dan kemahiran (Wehr 2008).

Sehubungan dengan itu “integrasi ilmu” bermaksud kesatuan antara jenis-jenis ilmu pengetahuan atau antara ilmu dan perkara lain di luar konteks ilmu. Kesatuan ilmu dalam konteks yang sama boleh berlaku di antara pelbagai disiplin ilmu yang ada seperti antara ilmu-ilmu Naqli yang bersumberkan wahyu seperti akidah, tafsir dan hadith (Malkawi 2011). Atau Integrasi antara jenis-jenis ilmu yang berbeza seperti ilmu naqli dengan ilmu aqli iaitu ilmu yang berasal dari akal manusia seperti fizik,

komunikasi dan kejuruteraan. Integrasi ilmu Naqli dan aqli bermaksud, paduan antara ilmu yang bersumberkan wahyu (*Naqli*) dengan ilmu yang bersumberkan dari akal manusia (*aqli*).

Sementara itu kesatuan ilmu dengan perkara lain yang di luar konteks ilmu pula ialah seperti integrasi ilmu dan amal (Malkawi 2011). Ilmu lebih bersifat teori manakala amal bersifat praktikal. Gabungan di antara dua perkara ini amat penting dalam menentukan kejayaan hidup setiap individu. Ketiadaan integrasi antara ilmu dan amal boleh menyebabkan implikasi negatif terhadap individu Muslim. Ini kerana ilmu tanpa amalan tiada hasilnya demikian juga amalan tanpa ilmu akan terjebak kepada pengamalan yang salah.

Contoh lain integrasi ilmu dengan perkara yang di luar konteks ilmu ialah ilmu dengan iman. Ilmu yang diperolehi manusia melalui proses yang pelbagai samada sumber dari wahyu, rasional, pemerhatian atau ujikaji sewajarnya digunakan untuk semakin mengenali Allah swt dan mengukuhkan keimanan terhadap kewujudan dan keagongan Allah swt.

ASAS INTEGRASI ILMU

Penyatuan atau gabungan dua atau lebih perkara berbeza biasanya diasaskan kepada suatu prinsip yang disepakati. Dalam konteks epistemologi Islam asas utama integrasi ilmu ialah perhambaan (*ubudiyah*) kepada Allah swt (al-Qur'an: al-Dhariyyat:56). Dengan maksud upaya integrasi ilmu dilakukan sebagai satu ketaatan terhadap perintah Allah swt yang terdapat dalam al-Qur'an al-Karim. Selari dengan jati diri mukmin sebagai hamba kepada Allah swt.

Demikian juga asas kedua kepada penyatuan ini ialah bagi melaksanakan tugas manusia sebagai pemimpin (*khalifah*) di muka bumi (al-Qur'an, al-Baqarah:30). Dengan maksud setiap mukmin perlu memimpin alam ini ke arah keredaan Allah swt. Sehubungan dengan itu apa yang dicapai melalui proses integrasi ilmu hendaklah digunakan bagi mencapai tujuan tersebut. Oleh itu asas integrasi ilmu ialah kerana ketaatan sebagai hamba kepada Allah swt dan juga sebagai melaksanakan tugas sebagai khilafah di muka bumi. Berdasarkan kepada asas ini objektif integrasi ilmu telah dibina.

ILMU USULUDDIN:

Ilmu Usuluddin bermaksud satu ilmu yang membicarakan akidah agama Islam yang berhubung dengan ketuhanan, kenabian dan perkara ghaib seperti qada' dan qadar, hari akhirat, syurga dan neraka. Ilmu ini juga dikenali sebagai ilmu akidah, ilmu tawhid dan ilmu kalam. (kamus dewan, pprm.edu.my). Sementara itu menurut al-Iji (m. 756/1355) dalam karya beliau *al-Mawaqif fi 'ilm al-Kalam* (1948), ilmu kalam

ialah ilmu yang mengambil berat berkenaan menetapkan hujah kepercayaan agama dengan mengemukakan bukti dan menolak keraguan.

Berdasarkan kepada penjelasan diberikan apa yang boleh difahami sebagai integrasi ilmu Usuluddin ialah gabungan ilmu tersebut dengan beberapa perkara:

- 1) Aspek Teori: Integrasi ilmu Usuluddin dengan ilmu-ilmu yang lain seperti fiqh, tafsir, hadith dan seumpamanya.
- 2) Aspek Amali: Integrasi ilmu Usuluddin dengan aspek amali dalam kehidupan meliputi seluruh aktiviti kehidupan.

Dalam konteks perbincangan aspek teori tujuan utama integrasi diperlukan ialah untuk mencari titik pertemuan terhadap perselisihan yang ada dalam kalangan umat Islam. Antara cabaran besar bagi ilmuan bidang Usuluddin ialah untuk manguruskan perbezaan pandangan yang berlaku dalam kalangan umat Islam dengan baik bagi mengelakkan perpecahan yang negatif yang boleh membawa kepada pertembungan dan pertumpahan darah sesama Islam.

Manakala aspek amali pula ialah untuk melihat hubungan ilmu Usuluddin dengan aspek amali dalam kehidupan. Dengan maksud bagaimakah hubungan di antara ilmu Usuluddin yang dipelajari di masjid mempengaruhi amalan individu Muslim dalam kehidupan. Perkara ini timbul apabila melihat kepada fenomena yang dihadapi umat Islam semasa di mana terdapat jurang yang jelas antara aspek teori dan amali dalam kehidupan mereka. Aspek teori yang begitu indah dan tersusun dalam Islam daripada nas al-Qur'an, Hadith dan karya ulama' secara prinsipnya menunjukkan ketinggian nilai dalam Islam. Namun aspek amali dari teori tersebut agak terbatas perlaksanaannya dalam kalangan umat Islam. Pengamalan yang ada lebih tertumpu kepada ibadah khusus seperti solat, puasa zakat dan haji. Manakala aspek kehidupan yang lain seperti etika, disiplin, kebersihan dan seumpamanya agak tidak begitu menyerlah.

INTEGRASI ANTARA ILMU- ILMU NAQLI

Sumber utama agama Islam ialah al-Quran dan Sunnah. Kedua-dua sumber ini disepakati oleh seluruh umat Islam. Namun dalam memahami sumber ini terdapat perbezaan pandangan yang ketara dalam kalangan umat Islam. Para sarjana Islam telah membangunkan pelbagai disiplin ilmu bagi membolehkan mesej dari al-Quran dan Hadith dapat dinilai dan difahami dengan baik dan jelas. Perkara ini telah banyak membantu umat Islam dalam memahami al-Quran dan al-Sunnah. Antara disiplin ilmu tersebut ialah Tafsir, Hadith, Ulum al-Quran, Ulum al-Hadith, Fiqh, Akidah dan Akhlak. Disiplin ilmu ini seterusnya melahirkan aliran pemikiran yang pelbagai.

Antara cabaran dihadapi dalam perkembangan ilmu Islam ialah kemunculan metode pemikiran dan aliran yang pelbagai dalam usaha memahami Islam seperti *Ahl al-Hadith*, *Ahl al-Ra'y*, *Fuqaha'*, *Mutakallimin*, *Sufi*, *Mufassirin* dan *Failasuf* (Brown, Daniel, 1996.) Setiap aliran ini mempunyai metode tersendiri dalam memahami ajaran Islam. Biarpun kesemua mereka menerima al-Qur'an dan Hadith sebagai rujukan utama, mereka masih berbeza pandangan pada sumber-sumber tambahan, keutamaan sumber dan kaedah memahami teks (*istinbat*). Setelah berlalunya masa aliran ini semakin berkembang dan membina pengaruh tersendiri. Namun antara kesannya ia semakin menjauh antara satu sama lain. Ia kerana pengikut setiap aliran hanya terdedah kepada metode yang satu dan mengabaikan metode dari aliran yang lain. Kesannya telah menyebabkan timbulnya sifat fanatik (*ta'assub*) kepada aliran tertentu sahaja. Seterusnya ia membawa kepada melihat aliran lain yang berbeza sebagai tidak Islamik, sesat, dan ahli bidah. Fenomena ini secara tak langsung telah menyumbang kepada perpecahan umat Islam.

Berdasarkan perkara ini integrasi antara ilmu-ilmu Naqli, Islam sangat diperlukan demi untuk kepentingan umat Islam dan kesatuan mereka. Sebagaimana semua disiplin ilmu Islam mempunyai peranan dan kepentingan tersendiri yang melengkapkan antara satu sama lain demikian juga aliran berbeza sepatutnya dilihat sebagai saling melengkapi antara satu sama lain. Ini kerana kesemua aliran tersebut merujuk kepada sumber utama iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah.

Antara kegusaran yang timbul disebabkan fenomena ini ialah apabila kebenaran ditentukan berdasarkan aliran pemikiran. Ini kerana implikasi dari suasana ini ialah kebenaran akan bersifat subjektif, iaitu mengikut pandangan aliran tertentu dan tidak bersifat mutlak dan boleh dikongsi bersama berdasarkan bukti-bukti yang kukuh dari al-Qur'an dan Sunnah. Kesan dari peristiwa ini ialah kurangnya budaya mencari kebenaran mutlak dalam kalangan umat Islam semasa. Masing-masing memadai dengan kebenaran yang ditentukan aliran atau mazhab sendiri yang kebanyakannya bersifat relatif.

Kesan yang lebih membimbangkan ialah apabila kebenaran relatif setiap mazhab atau aliran dianggap sebagai kebenaran mutlak. Jika begini tahapnya maka setiap pandangan individu atau aliran yang berbeza akan dianggap sebagai kebatilan. Kebatilan ini juga seringkali dikategorikan sebagai kesesatan dan kekufturan. Kefahaman ini turut menjadi asas kepada idea menyesatkan dan mengkafirkhan sesama Islam (*takfiri*).

Pendekatan di zaman Rasulullah saw wajar diikuti oleh setiap umat Islam. Pada zaman Rasulullah saw banyak perkara didefinisikan secara jelas. Muslim umpamanya dijelaskan sifat-sifatnya, apa yang menjadi hak bagi mereka dan tanggungjawab

keatas mereka. Sabda Rasul saw: “Muslim ialah siapa yang golongan Muslimin selamat dari lidah dan tangannya”. (Bukhari & Muslim). Hadith ini secara jelas menggariskan ciri yang mesti dimiliki oleh setiap Muslim iaitu tidak menyakiti muslim yang lain. Ini bermakna untuk menjadi seorang Muslim individu perlu berhati-hati agar tidak menyakiti saudara Muslim yang lain samada melalui lidah ataupun tangannya. Disebabkan perkara ini juga Islam menggambarkan sesiapa yang bercakap perkara keburukan saudaranya di belakang seolah-olah memakan daging saudaranya tersebut.

Demikian juga sarjana Muslim perlu mempunyai kemampuan untuk mengharmonikan perbezaan yang zahir antara disiplin ilmu yang ada. Lantas membina metode yang menggabungkan semua perkara tersebut dengan baik. Antara contoh sarjana Islam silam yang melakukan perkara ini ialah Imam al-Syafie (m. 820 AD) telah melakukan pengharmonian antara ahl al-Ra'y dan a-Hadith. Demikian juga apa yang telah dilakukan oleh Imam al-Ash'ari (m. 936 AD) dalam mengharmonikan antara aliran Ahl al-Hadith dan Mu'tazilah berkenaan kedudukan akal dalam Islam. Perkara tersebut telah memberikan sumbangan besar terhadap pembangunan dan perpaduan umat Islam.

Berdasarkan fenomena yang berlaku dalam kalangan umat Islam semasa adalah perlu untuk digariskan berkenaan asas-asas akidah yang perlu dijelaskan kepada Jemaah Masjid yang mengikuti pengajian Usuluddin. Ini kerana ia penting bagi umat Islam untuk mengetahui apakah asas-asas yang menjadi pegangan utama yang tidak boleh diselisihkan. Di mana asas tersebut merupakan kriteria utama yang membezakan umat Islam dengan golongan lain. Apabila dipersetujui perkara asas ini dengan sendiri individu tersebut adalah muslim. Jika mereka berselisih pandangan pada huraian atau kefahaman terhadap perkara asas tersebut maka masih dalam kelompok Muslim.

Demikian juga terdapat implikasi sosial dari pegangan kepada kepercayaan ini. Ia merupakan tuntutan yang perlu dilakukan oleh individu yang menerima akidah tersebut. Inilah apa yang dimaksudkan dengan integrasi antara ilmu Usuluddin dengan amalan kehidupan.

ASAS AKIDAH DAN IMPLIKASI SOSIAL

Apa yang dimaksudkan dengan asas akidah ialah prinsip akidah yang membezakan akidah Islam dari akidah yang lain seperti Kristian, Yahudi dan Musyrikin. Sekiranya asas akidah ini ditolak maka individu tersebut akan terkeluar dari akidah Islam. Usul Akidah merupakan perkara asas dalam agama yang turut dikenali sebagai “*al-ma'lum min al-din bi al-darurah*” (perkara agama yang diketahui secara jelas dan disepakati).

Sarjana Islam secara umum secara umumnya membahagikan perbahasan akidah kepada tiga iaitu: Uluhiyyah (Ketuhanan), Nubuwwah (Kenabian) dan Sam'iyyah (Perkara ghaib). Uluhiyyah membincangkan perkara berkaitan ketuhanan yang meliputi sifat kesempurnaan Allah SWT dan penolakan sebarang sifat kekurangan dari-Nya. Nubuwwah pula membahaskan berkenaan kenabian Rasulullah SAW sifat-sifat peribadi beliau dan juga tugasan yang dipertanggungjawabkan ke atasnya. Sam'iyyah pula membahaskan berkenaan perkara ghaib yang hanya diketahui melalui dalil sam' iaitu al-Qur'an dan Hadith, namun bukan melalui dalil akal semata-mata (Mubarak H Hussin:1980).

Sehubungan dengan itu para ulama' telah menyusun asas akidah kepada 6 perkara utama yang juga dikenali sebagai rukun Iman. Perkara ini ialah asas keimanan (Ibrahim Said: 1998).

a. Percaya Kepada Allah SWT.

Ia bermaksud beriman dengan kewujudan, keesaan dan kesempurnaan Allah SWT. Demikian juga menafikan dari Allah SWT sebarang bentuk kekurangan dan sifat-sifat persamaan dengan makhluk. Kepercayaan berkenaan kewujudan Allah SWT membezakan umat Islam dari golongan yang tidak mempercayai kewujudan Allah SWT seperti *Mulhid* (*Atheist*) dan *Dahriyyun* (*al-Qur'an, al-Jathiyyah 45:24*), iaitu golongan yang menganggap masa yang akan memusnahkan manusia, tiada tuhan dan hari pembalasan. Golongan ini juga menolak kewujudan syurga dan neraka. Kepercayaan dengan keesaan Allah SWT membezakan umat Islam dari golongan Nasrani yang beriman dengan tiga tuhan iaitu Bapa, Ruh al-quds dan Isa AS sebagai anak tuhan (Leith, John: 1993). Demikian juga membezakan akidah Islam dari agama Majusi yang mempercayai kewujudan dua tuhan iaitu tuhan kebaikan (*yazdan*) dan tuhan kejahanan (*ahmaran*). Akidah Tawhid turut membezakan pengikut agama Islam dengan golongan Musyrikin yang menyembah berhala dan tuhan selain Allah SWT.

Sementara itu kepercayaan terhadap kesempurnaan Allah SWT bermaksud dhat Allah SWT mempunyai segala sifat kesempurnaan seperti mendengar, mencipta, melihat dan mengetahui membezakan akidah Islam dari akidah golongan Yahudi. Biarpun golongan Yahudi percaya bahawa tuhan itu esa namun mereka juga percaya bahawa tuhan mereka bersifat dengan sifat manusia seperti berbohong, menangis, dan penuh dengan sifat kekurangan (*Deuteronomy 9:5, 12:31*). Mereka percaya bahawa tuhan menjadikan manusia dalam bentuk-Nya sendiri (*Genesis 1:26*).

Setelah menjelaskan akidah ketuhanan dalam bentuk teori, individu Muslim juga perlu meneliti hubungan akidah tersebut dengan kehidupan praktikal. Apabila seorang individu beriman dengan kewujudan, keesaan dan kesempurnaan Allah SWT

maka dia juga menerima bahawa Allah SWT merupakan pencipta semua makhluk dan seluruh alam ini. Allah SWT juga menurunkan wahyu kepada manusia melalui para Rasul-Nya AS untuk dijadikan sebagai panduan hidup. Manusia dikehendaki mengikuti panduan ini untuk berjaya di dunia dan akhirat. Jika mereka engkar azab yang pedih akan menyiksa mereka di akhirat kelak.

Sehubungan dengan itu setiap individu yang mengaku dirinya beriman dengan Allah SWT perlu memerhatikan setiap ayat di dalam al-Qur'an yang menceritakan berkenaan sifat golongan Mukmin. Mereka hendaklah sentiasa mencerminkan diri berdasarkan sifat-sifat gologan Mukmin yang dinyatakan oleh Allah SWT. Jika sifat-sifat tersebut ada pada dirinya maka bersyukurlah kepada Allah SWT, namun jika sifat-sifat tersebut tiada pada dirinya maka dia akan berusaha seupaya mungkin dan memohon dari Allah SWT untuk menjadikan sifat tersebut ada dalam dirinya. Di antara sifat mulia golongan Mukmin yang dinyatakan oleh Allah SWT ialah hubungan hati yang rapat dengan Allah SWT. Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

إِنَّ الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجَلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلَيْتُ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادُهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ - الَّذِينَ يَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمَنْ رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ - أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا إِنَّمَا دَرَجَاتُهُمْ ذَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ -
Al-Anfal 8: 2-4

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka. Merekalah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat pangkat-pangkat yang tinggi di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpah kurnia yang mulia (di Syurga).”

Hubungan hati yang rapat dengan Allah SWT diibaratkan seumpama hati yang akan bergetar apabila disebut nama Allah SWT iaitu sifat keagongan-Nya. Perasaan ini dinyatakan oleh Allah SWT sebagai tanda atau sifat Mukmin yang sebenar. Keimanan individu Mukmin turut bertambah apabila beliau mendengar ayat-ayat Allah SWT dibacakan. Mereka bertawakkal kepada Allah SWT serta menunaikan segala suruhan Allah SWT seperti solat dan zakat juga menjauhi larangan-Nya. Allah SWT menjanjikan kepada mereka keampunan dan rezeki yang mulia.

b. Percaya Kepada Malaikat AS

Percaya kepada Malaikat AS bermaksud beriman dengan kewujudan makhluk Allah SWT yang amat taat kepada setiap perintah-Nya. Terdapat sepuluh Malaikat yang perlu diketahui oleh individu oleh setiap muslim. Para Malaikat ini mempunyai tugas yang telah diarahkan oleh Allah SWT seperti menurunkan rezeki, mencatat amalan hingga kepada menjaga syurga dan neraka. Mereka melaksanakan tugas mereka dengan taat dan patuh kepada Allah SWT.

Kepercayaan kepada Malaikat AS menuntut setiap Muslim untuk sentiasa sedar bahawa setiap perkataan dan perbuatan diri akan dicatat oleh Malaikat Rakib dan Atid AS. RakibAS mencatatkan amalan kebaikan manakala Atid AS mencatat amalan keburukan. Buku amalan ini akan didedahkan di hari akhirat kelak. Setiap amalan samada kebaikan atau keburukan biar sebesar zarah akan diperlihatkan.. Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ فَيَقُولُ هَاوْمُ اقْرَأُوا كِتَابِيْهِ، إِلَيْيِ ظَنَّتُ أَنِّي مُلَاقٍ حِسَابِيْهِ فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَّاضِيَةٍ، فِي جَنَّةٍ عَالَيَةٍ، قُطُوفُهَا دَانِيَةٌ، كُلُّوا وَأَشْرُبُوا هَبَيْنَا إِمَّا أَسْلَفْنَاكُمْ فِي الْأَيَّامِ الْخَالِدةِ

Al-Haaqah 69: 19-24

“Maka sesiapa yang diberikan menerima Kitab amalnya dengan tangan kanannya, maka ia akan berkata (dengan sukacitanya kepada sesiapa yang ada di sisinya): ` Nah! Bacalah kamu Kitab amalku ini! "Sesungguhnya aku telah mengetahui dengan yakin, bahawa aku akan menghadapi hitungan amalku (pada hari yang ditentukan)!" Maka (dengan itu) tinggalah dia dalam kehidupan yang senang lenang lagi memuaskan, Di dalam Syurga yang tinggi (darjatnya), Buah-buahannya dekat untuk dipetik. (Masing-masing dipersilakan menikmatinya dengan dikatakan): "Makan dan minumlah kamu makanan dan minuman sebagai nikmat yang lazat dan baik kesudahannya, dengan sebab (amal-amal soleh) yang telah kamu kerjakan pada masa yang lalu (di dunia)!"”

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِشَمَائِلِهِ فَيَقُولُ يَا لَيْتَنِي لَمْ أُوتِيْ كِتَابِيْهِ وَمَمْ أَدْرَ مَا حِسَابِيْهِ يَا لَيْتَهَا كَانَتْ الْقَاضِيَةَ مَا أَغْنَى عَنِي مَالِيَةً هَلَكَ عَنِي سُلْطَانِيَةً حُذُوهُ فَعُلُوهُ ثُمَّ الْجَحِيمَ صَلُوهُ ثُمَّ فِي سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذَرَاعًا فَاسْلُكُوهُ

al-Haaqah 69:26-33

“Adapun orang yang diberikan menerima Kitab amalnya dengan tangan kirinya, maka ia akan berkata (dengan sesalnya): “Alangkah baiknya kalau aku tidak diberikan kitab amalku, “Dan aku tidak dapat mengetahui hitungan amalku. Alangkah baiknya kalau kematianku di dunia dahulu, menjadi pemutus (yang menamatkan kesudahanku , tidak dibangkitkan lagi), “Harta kekayaanku tidak dapat menolongku sedikitpun; Kuasaku

(dan hujjah-hujjahku membela diri), telah binasa dan hilang lenyap dariku”. (Lalu diperintahkan malaikat penjaga neraka): “Tangkaplah orang yang berdosa itu serta belenggu lah dia, “Kemudian bakarlah dia di dalam neraka Jahiim, “Selain dari itu, masukkanlah dia dalam (lingkaran) rantai besi yang ukuran panjangnya tujuh puluh hasta, (dengan membelitkannya ke badannya).”

Oleh itu setiap individu muslim hendaklah sedar dan sentiasa ingat perkara ini serta berhati-hati pada setiap perkataan dan perbuatannya di dunia ini. Dia hendaklah berusaha semampu mungkin untuk sentiasa memperbanyakkan amalan kebaikannya dan mengurangkan malah menghapuskan amalan keburukannya samada melalui cara dengan tidak melakukan perbuatan buruk tersebut dari awal lagi atau dengan melakukan taubat dan istighfar jika telah melakukan perbuatan buruk. Hanya dengan cara itu kejayaan manusia dapat dicapai di dunia dan di akhirat.

Dari sini kita melihat betapa keimanan kepada Malaikat AS akan mendorong individu Muslim untuk melakukan perbuatan baik dan menjauhi perbuatan buruk. Akidah yang benar dan kukuh akan membantu individu untuk menjadi hamba Allah SWT yang taat. Namun dengan syarat akidah tersebut hendaklah dilihat bersama dengan tuntutan ke atas individu Muslim dari sudut amalan praktikal dan juga komitmen pemikiran.

c. Percaya Kepada Rasul AS

Bermaksud beriman dengan semua para Rasul AS yang diutuskan oleh Allah SWT kepada manusia bermula dari Adam AS sehingga lah Muhammad SAW. Kepercayaan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul membezakan umat Islam dari golongan Yahudi dan Kristian yang hanya percaya setakat Musa AS dan Isa AS. Umat Islam percaya bahawa Muhammad SAW merupakan rasul terakhir yang diutuskan Allah SWT kepada manusia. Tidak akan ada lagi rasul baru dengan syariah baru akan diutuskan oleh Allah SWT selepas beliau SAW. Oleh itu sebarang bentuk ajaran dan kepercayaan yang menganggap adanya rasul baru selepas Muhammad SAW dengan syariah yang baru maka ajaran tersebut adalah salah dan terkeluar dari agama Islam.

Umat Islam juga percaya bahawa Rasulullah SAW merupakan hamba Allah SWT yang terbaik pernah hidup di muka bumi. Beliau merupakan makhluk terbaik ciptaan Allah SWT. Oleh itu kita diperintahkan oleh Allah SWT untuk menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai ikutan. Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لِكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

al-Ahzab 33: 21

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang),”

Sehubungan dengan itu setiap Muslim hendaklah berusaha semampu mungkin untuk mengikut cara hidup yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. Cara beliau beribadah, berurusan dengan manusia meliputi isteri, anak-anak, sahabat, golongan mad'u hingga kepada musuh di medan perang. Cara beliau bermiaga, berurusan dengan jiran dan golongan ahl al-Kitab juga wajar diteliti untuk dicontohi. Setiap tingkah laku Rasulullah SAW hendaklah diteliti dan diikuti sebagai panduan hidup seorang Mukmin.

Demikian juga pesanan dan teguran Rasulullah SAW hendaklah dipatuhi jika manusia inginkan kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Ajaran beliau agar individu Muslim menjaga lidah dengan bercakap dengan perkara baik sahaja ataupun diam, berbuat baik kepada dua ibubapa dan menghubungkan silaturrahim hendaklah diikuti oleh pengikutnya yang patuh. Demikian juga larangan beliau seperti tidak mengambil rasuah, memakan riba mengambil hak orang lain dengan cara yang salah dan tidak bermoral hendaklah dijauhi semampu mungkin.

d. Percaya Kepada Kitab

Bermaksud beriman dengan kewujudan 4 kitab utama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada para Anbiya' terpilih. Kitab-kitab tersebut ialah Taurat, Zabur, Injil dan al-Qur'an. Taurat diturunkan kepada Nabi Musa AS, Zabur Nabi Daud AS, Injil untuk Nabi Isa AS dan al-Qur'an kepada Nabi Muhammad SAW. Al-Qu'r'an merupakan kitab terakhir diturunkan seterusnya berperanan sebagai risalah terakhir dari Allah SWT. Kitab sebelum al-Qur'an telah berlaku penyelewengan dan perubahan padanya oleh golongan Yahudi dan Nasrani.

Umat Islam juga percaya bahawa kandungan al-Qur'an sekarang ialah sebagaimana diturunkan kepada Rasulullah SAW dan tiada perubahan padanya. Mereka berpegang dengan firman Allah SWT:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ
al-Hijr 15:9

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.”

Al-Qur'an merupakan panduan dari Allah SWT kepada seluruh manusia. Panduan ini diambil oleh golongan yang bertakwa. Panduan dimaksudkan bertujuan untuk hidup sebagaimana dikehendaki Allah SWT. Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَبِّ لَهُ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

al-Baqarah 2: 2

"Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa."

Demikian juga jika terdapat sebarang perselisihan mereka akan menjadikan al-Qur'an sebagai panduan dan penyelesaian masalah. Dalam hal ini mereka mengikuti panduan Allah SWT dalam firman-Nya:

فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْתُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ

وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

al-Nisa' 4:59

"Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya."

Demikianlah tuntutan amalan ke atas setiap Muslim apabila dikaitkan dengan kepercayaan kepada Kitab. Peranan al-Qur'an sebagai panduan hidup dan penyelesaian masalah hendaklah diberikan haknya dalam kehidupan harian. Semoga dengan mengikuti panduan tersebut umat Islam akan mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

e. Percaya Kepada Hari Kiamat

Bermaksud beriman bahawa akan ada suatu hari di mana setiap amalan manusia di dunia ini akan diberikan balasan. Pelaku kebaikan akan diberikan pahala dan syurga manakala pelaku kejahatan dibalas dengan dosa dan neraka dengan izin Allah SWT. Tuntutan dari akidah ini ialah setiap individu Muslim hendaklah berhati-hati dengan setiap tindakan yang dilakukan di dunia ini. Jika perbuatan tersebut menghampirkan dirinya kepada syurga maka akan dilaksanakan. Namun jika mendekatkan dirinya kepada neraka akan dijauhinya. Oleh itu perbuatan seperti mencuri, memberi atau menerima rasuah, minum arak, berzina serta menzalimi hak orang lain perlu dijauhi

kerana ia akan menghampirkan diri kepada neraka. Manakala perbuatan baik seperti memberi salam, tolong menolong untuk kebaikan, berbaik sangka, bersabar, memaafkan kesalahan orang lain merupakan perbuatan yang perlu dilazimi kerana ia akan mendekatkan pelakunya kepada syurga Allah SWT.

Hubungan spiritual dan pemikiran individu Muslim dengan hari akhirat merupakan kunci kepada kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Keyakinan terhadap konsep ganjaran dan pembalasan di akhirat merupakan salah satu kunci kejayaan yang dinyatakan oleh Allah SWT. Perkara ini dapat dilihat melalui firman-Nya:

وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ إِمَّا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوْقَنُونَ - أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًىٰ مِّنْ رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ
al-Baqarah 2:4-5

“Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab "Al-Quran" yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan mereka lah orang-orang yang berjaya.”

f. Percaya Kepada Qada' Dan Qadar

Bermaksud beriman bahawa setiap apa yang berlaku di dunia ini adalah dengan qada' dan qadar Allah SWT. Apa yang berlaku di dunia ini adalah dengan keizinan Allah SWT. Tanpa keizinan-Nya tiada satupun akan berlaku. Begitu juga setiap perbuatan manusia dilaksanakan dengan kuasa dan keizinan dari Allah SWT. Setiap apa yang berlaku juga mempunyai hikmah dan tujuan yang tertentu. Dalam hal ini setiap Mukmin perlu sentiasa berbaik sangka kepada Allah SWT. Setiap yang berlaku di dunia ini merupakan ujian dari Allah SWT. Manusia hendaklah redha dengan Qada' dan Qadar Allah SWT.

Namun mereka hendaklah sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kebaikan dan menjauhi keburukan serta sentiasa berdoa kepada Allah SWT agar memudahkannya kepada kebaikan dan menjauhkannya dari kejahanan. Ini kerana doa berperanan untuk mengubah Qada' sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

لَا يَرِدُ الْقَضَاءُ إِلَّا بِالْدُعَاءِ
(al-Turmidihi: 1975).

Tidak ditolak Qada' melainkan dengan doa.

Qada' yang boleh diubah ialah Qada' *Mu'allaq* yang terdapat pada pengetahuan Malaikat dan Rasul AS. Namun Qada' *Mubram* tidak akan berubah. Dalam hal ini Allah SWT mempunyai kuasa mutlak untuk mengubah dan memadam ketetapan-Nya. Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثْبِتُ وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ

al-Ra'd 13: 39

“Allah menghapuskan apa jua yang dikehendaki-Nya dan Ia juga menetapkan apa jua yang dikehendaki-Nya. Dan (ingatlah) pada sisi-Nya ada “Ibu segala suratan.”

Kepercayaan terhadap enam perkara asas tersebut adalah asas kepada keimanan. Setiap individu yang percaya kepada enam rukun iman tersebut adalah seorang muslim yang beriman dengan Allah SWT. Kepercayaan kepada rukun iman tersebut adalah asas keimanan biarpun mereka kadangkala berselisih pandangan dalam menghuraikan setiap rukun tersebut secara terperinci.

Kepercayaan terhadap enam rukun iman ini perlu disempurnakan dengan perlaksanaan lima rukun Islam iaitu mengucap dua kalimah syahadah, solat lima waktu, puasa di bulan Ramadhan, menunaikan zakat serta melaksanakan ibadah haji bagi yang berkemampuan.

AKIDAH DAN NIAT

Keikhlasan niat amat berkait rapat dengan pengukuhan akidah individu Muslim. Akidah yang diuruskan dengan baik akan menyumbang kepada usaha mencapai keikhlasan niat. Ikhlas merupakan rahsia Allah SWT. Hanya Allah SWT yang tahu niat hamba-Nya sama ada ikhlas atau tidak. Apa yang mampu dilakukan oleh kita sebagai hamba-Nya ialah cuba untuk memahami maksud ikhlas seterusnya berusaha mencapainya. Sekiranya maksud ikhlas tidak difahami maka sudah tentu kebarangkalian untuk mencapainya amat rendah.

Ikhlas berasal dari perkataan akhlasa (أَخْلَاصٌ) bermaksud tahnha (طَهْرٌ) menyucikan. Mengikhlaskan niat bermaksud menyucikan atau membersihkan niat dari sebarang dorongan selain Allah SWT. Ia boleh difahami sebagai melakukan sesuatu perbuatan disebabkan perintah daripada Allah SWT, pencipta dan pemilik seluruh alam. Perintah dari Rasulullah SAW juga termasuk dalam perintah dari Allah SWT kerana kata-kata Rasulullah SAW merupakan dari wahyu Allah SWT. Rasulullah SAW banyak menjelaskan kepada kita berkenaan kepentingan niat yang ikhlas. Dalam salah satu hadisnya Rasulullah SAW bersabda:

إنما الأعمال بالنيات إنما لكل أمرئ ما نوى، فمن كانت هجرته إلى الله ورسوله، فمن كانت هجرته لامرأة “
،”تتركها أو لدنيا تصيّبها. فهجرته إلى ما هاجر إليه.
(al-Bukhari: 1994).

“Sesungguhnya amalan itu berdasarkan niat, sesungguhnya bagi setiap individu apa yang diniati. Sesiapa yang hijrahnya untuk Allah SWT dan RasulNya, maka hirjahnya adalah untuk Allah SWT dan RasulNya. Maka sesiapa yang hijrahnya untuk wanita maka dia akan menikahinya atau kerana dunia, dia akan memperolehinya. Maka hijrahnya kepada apa yang menjadi tujuannya.”

Berdasarkan pengertian hadis di atas diperhatikan bahawa amalan yang mulia seperti berhijrah masih perlu dilakukan dengan niat yang betul. Jika sebaliknya nescaya ganjarannya tidak akan diberikan oleh Allah SWT. Pelaku tersebut hanya mendapat ganjaran keduniaan semata-mata. Hadis ini menunjukkan kepentingan niat dalam setiap amalan individu.

Oleh itu, untuk menampilkan keikhlasan setiap perbuatan hendaklah dikaitkan dengan perintah dan larangan Allah SWT. Apabila individu ingin melakukan sesuatu maka hendaklah mengaitkan perbuatan tersebut dengan perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW. Perbuatan tersebut pula dilakukan semata-mata untuk mencapai redha Allah SWT (Mohd Radhi Ibrahim: 2010).

Untuk memahami konsep niat yang ikhlas dalam Islam, adalah baik jika kita teliti niat yang dilakukan dalam ibadah khusus seperti solat. Apabila seorang hamba melakukan ibadat solat dia berniat umpamanya; ”sahaja aku solat zuhur empat rakaat menjadi imam/makmum kerana Allah Taala. Perkara yang perlu diberi perhatian ialah berkenaan dengan apakah yang dimaksudkan dengan “kerana Allah”?

Lafaz “kerana Allah SWT” bermakna kerana Allah SWT memerintahkannya. Maksudnya, sahaja aku solat fardu Zuhur kerana Allah SWT memerintahkan aku melakukannya melalui firman-Nya:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَرْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ
al-Baqarah 2: 43

Berdasarkan ayat di atas, dapat difahami bahawa solat merupakan satu perintah daripada Allah SWT. Maka sebagai seorang hamba Allah SWT yang taat, perintah tersebut perlu dipatuhi. Oleh itu manusia melakukan solat kerana diperintahkan oleh Allah SWT. Dengan niat ini juga manusia dapat menunjukkan keikhlasan kepada Allah SWT.

Demikian juga setelah memulakan ibadah tersebut dengan niat yang ikhlas kepada Allah SWT, kita hendaklah juga memastikan sepanjang perlaksanaan ibadah tersebut setiap batas dan larangan Allah SWT tidak dilanggari. Ketika mendirikan solat umpamanya, perkara yang membantalkannya hendaklah dijauhi. Demikian juga ketika melakukan ibadah puasa pelajar hendaklah menjauhi perkara yang dilarang Allah SWT seperti mengumpat, bercakap bohong dan seumpamanya.

Berdasarkan penjelasan terhadap niat solat, kita boleh mengaplikasikan konsep niat tersebut kepada aktiviti kehidupan yang lain seperti belajar, bersukan, makan, bersosial dan seumpamanya. Setiap tindakan individu Muslim hendaklah dikaitkan dengan perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW. "Saya melakukan perkara ini kerana Allah SWT perintahkan dalam ayat-Nya atau Rasulullah SAW memerintahkan dalam hadisnya demikian."

Berdasarkan penjelasan berkenaan contoh-contoh di mana individu hampir kepada keikhlasan, kita dapat kekuatan akidah memainkan peranan penting dalam mencapai keikhlasan. Ini kerana untuk melakukan niat yang ikhlas kepada Allah SWT individu perlu mengaitkan dengan perintah Allah SWT. Perkara ini hanya boleh dicapai jika individu tersebut ingat kepada Allah SWT. Ingatan kepada Allah menentukan keikhlasan niat seorang hamba. Individu yang sentiasa mengingati Allah SWT pada setiap masa dan ketika sebagaimana Uli al-Bab akan mempunyai peluang yang tinggi untuk mencapai keikhlasan pada niatnya. Ini kerana setiap kali ingin melakukan sesuatu dia akan bertanya apakah perintah Allah SWT dalam hal ini? Jika Allah SWT melarang perkara tersebut dia akan berhenti. Namun jika Allah SWT mengkehendakinya hamba tersebut akan melaksanakannya kerana perintah Allah SWT.

Sehubungan dengan itu akidah yang dipegang perlu diuruskan dengan baik agar membantu individu untuk menghampiri keikhlasan niat kepada Allah SWT. Tanpa niat yang ikhlas amalan individu tidak akan diterima oleh Allah SWT. Ini bermakna tanpa pengurusan yang baik, akidah hanya akan tinggal teori semata-mata tanpa kesan pada kehidupan sosial individu. Akidah yang sedemikian tidak akan membantu pemiliknya pada tahap maksima dalam mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Sebaliknya akidah yang diuruskan dengan baik akan membawa kepada keberkatan dan kejayaan hidup di dunia dan akhirat.

PENUTUP

Berdasarkan kepada penjelasan di atas dapat dilihat peranan ilmu Usuluddin atau akidah dalam kehidupan individu Muslim. Integrasi ilmu ini sangat penting dalam membentuk individu Muslim yang taat dan bertakwa. Jika perkara ini dapat dilaksanakan banyak perkara akan dapat diperbaiki dalam kalangan umat Islam seperti

pengurusan khilaf yang ada berkaitan akidah. Demikian juga akan dapat mendekatkan jurang pemisah antara aspek teori dan amali yang ada dalam Islam.

Kefahaman yang jelas dan betul berkenaan akidah akan membantu individu Muslim untuk hidup dengan lebih baik dan dapat menghadapi cabaran hidup yang dilalui dengan cekal dan tabah. Seterusnya dapat mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

RUJUKAN

- Al-Ash'ari, Abu al-Hasan. (1999). *Maqalat al-Islamiyyin wa ikhtilaf al-musallin*.
- Al-Bukhari. (1994). *Sahih al-Bukhari*. al-Qahirah: Dar al-Fikri.
- Al-Iji, Adud al-Din 'Abd al-Rahmān b. Rukn al-Dīn. (1948). *Mawaqif fi 'ilm al-kalam*, Cairo: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qur'an al-Karim. (2007). *Terjemahan al-Quran Bahasa Melayu*. Arab Saudi: Kementerian Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah dan Nasihat Al-Qur'an.
- Ibn Majah, (1997). *Sunan Ibn Majah*. Ed. Al-Busairi, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibrahim, Sa'id. (1998). *Akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Kuala Lumpur: Dar al-Jil. 2. Ed. M. Mahy al-Din Abd al-Hamid. Beirut: al-Maktabah al-Asriyya.
- Kamus Dewan. (2019). www.prpm.dbp.gov.my.
Ma'rifah.
- Malkawi, Fathi Hassan. (2011). *Manhajiyah al-takamul al-ma'rifi*. Beirut: al-Ma'had al-Alami li al-Fikri al-Islami.
Milton. Beirut: Librairie du Liban.
- Mohd Radhi Ibrahim. (2010). *Pembangunan insaniah pelajar Muslim*. Nilai: Penerbit Mubarok, H. Hussin, (1982). *'Ilm al-tawhid fi dau' al-'aql wa al-naql*. Shubra: Matbaah Amanah.
- Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wehr Hans. (2008). *A Dictionary of modern written Arabic*. Edited by Cowan J.